

Biar mahkamah tentukan: PM

BN 26 MAR 1990

KUALA LUMPUR, Ahad — Hanya mahkamah yang berhak menentukan kesahihan kemenangan calon Barisan Nasional (BN), Senator Haji Shuaib Lazim dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka semalam, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, mahkamah juga yang akan menentukan sama ada Senator Haji Shuaib muflis atau tidak.

"Hakikatnya sekarang, BN menang dalam pilihanraya kecil itu dengan kelebihan 3,409 undi," katanya sewaktu

diminta mengulas cadangan Semangat 46 untuk memohon perintah mahkamah bagi mengisytiharkan kemenangan BN itu tidak sah kerana calon BN adalah seorang muflis.

Semalam, Setiausaha Agung parti itu, Datuk Haji Suhaimi Kamarudin, berkata permohonan itu akan dibuat di Mahkamah Tinggi Alor Star selepas keputusan pilihanraya kecil itu diwartakan.

Datuk Seri Dr Mahathir yang baru pulang dari lawatan rasmi dua hari ke Pattaya, Thailand, berkata tindakan Semangat 46 itu sama se-

perti tindakan "segelintir pemimpin Umno iaitu pengasas Semangat 46 sekarang, yang berusaha membawa kes Umno ke mahkamah sehingga parti itu diisytiharkan tidak sah".

Bagaimanapun, katanya, keputusan mahkamah itu diterima dengan hati terbuka "kerana itu yang sudah diputuskan oleh mahkamah."

"Oleh itu, kita juga akan menerima apa juga keputusan mahkamah berhubung keputusan pilihanraya kecil kawasan Pantai Merdeka dan kedudukan Senator Shuaib," katanya.